

Tetapkan 'tarikh tamat' pemusatan kuasa PM pulih keyakinan ekonomi

BH - 8/12/2022 m/s: 11



Felo Bersekutu
Institut Penyelidikan
Perakaunan
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)

Oleh Prof Madya Dr Mahyudin bin Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memegang sendiri portfolio Kementerian Kewangan pastinya menjadi antara perkara menarik dalam pembentukan Kabinet.

Biarpun Anwar awalnya menegaskan tidak cenderung memegang portfolio itu, beliau terpaksa berbuat demikian dengan justifikasi memulihkan keyakinan ekonomi dalam kalangan rakyat, sektor perniagaan dan pelabur asing.

Bagi berlaku adil, ia adalah hak prerogatif Anwar sebagai Perdana Menteri seperti dijamin Perlembagaan seperti termaktub dalam Artikel 43(1) dan 43(2) (a) dan (b).

Justifikasi itu ada benarnya lantaran pengalaman luas Anwar ketika menjawat Menteri Kewangan antara 1991 hingga 1998 dahulu, hingga Malaysia terkenal di mata dunia sebagai antara negara digelar Harimau Asia ketika itu.

Malah Anwar juga dinobatkan sebagai Menteri Kewangan Terbaik oleh *Asiamoney* pada 1996, manakala *Euromoney* pula menamakannya sebagai empat Menteri Kewangan terbaik dunia ketika itu.

Untuk rekod, Perdana Menteri yang turut memegang portfolio Kementerian Kewangan bagi satu tempoh agak lama ialah Tun Abdullah Badawi ketika menjadi Perdana Menteri Kelima selama lima tahun dan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri Keenam (10 tahun). Menteri Kewangan Kedua turut dilantik ketika itu bagi membantu Perdana Menteri menguruskan portfolio berkenaan.

Bagaimanapun, Anwar sendiri perlu mengakui perkara itu sama sekali berlawanan dengan idealisme Pakatan Harapan (PH) yang menentang

pemusatan kuasa di tangan Perdana Menteri. Malah, ia antara janji PH sejak beberapa Pilihan Raya Umum (PRU) lalu.

Pada 2015 pula, Menteri Ekonomi sekarang, Rafizi Ramli ketika menjadi Ahli Parlimen pembangkang, memfailkan usul Rang Undang-Undang (RUU) Persendirian bagi memisahkan fungsi Perdana Menteri daripada Menteri Kewangan.

Semua maklum Najib terpalit dengan skandal kewangan 1MDB yang memalukan negara. Apabila Najib menjadi Perdana Menteri dan pada masa sama memegang portfolio Kementerian Kewangan serta Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB, hal ini menatijahkan konflik kepentingan cukup ketara ketika itu.

Namun, usul RUU Persendirian itu ditolak Speaker Dewan Rakyat ketika itu, Tan Sri Pandikar Amin Mulia atas alasan ia tidak menepati Peraturan Mesyuarat 49(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, iaitu tidak selaras dengan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 (Akta 2).

Pegang portfolio Menteri Kewangan sementara

Rafizi Ramli ketika dalam sidang media sebagai Menteri Ekonomi beberapa hari lalu menyatakan portfolio Menteri Kewangan itu hanya akan dipegang Anwar untuk tempoh sementara waktu sahaja, hingga ekonomi negara kembali pulih.

Malah beliau turut menegaskan pemusatan kuasa sebegini tidak akan menjadi satu dasar kerajaan perpaduan untuk tempoh jangka panjang.

Justeru, Anwar harus mengambil tanggungjawab bahawa pemusatan kuasa di tangan beliau, membuka ruang kritikan tajam daripada pihak pembangkang dan terus mengasak Kabinet Kerajaan Perpaduan ini.

Bagi meredakan 'suhu politik negara' akibat situasi pemusatan kuasa ini, Anwar wajar menetap

kan satu tempoh jelas dengan menyatakan tarikh tamat pemegangan portfolio kewangan berkenaan secara khusus, terutama apabila pemulihan ekonomi berjaya dicapai.

Demi meredakan kegelisahan awam berkaitan hal itu juga, kerajaan diharap dapat segera membenarkan RUU berkaitan Akta Tanggungjawab Fiskal di Parlimen. RUU itu bertujuan meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengu-rusan dasar fiskal negara.

Ini juga terkait dengan perbelanjaan fiskal kerajaan sebelum ini ketika menangani impak COVID-19 melalui lapan pakej rangsangan khas termasuk Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) merangkumi RM83 bilion suntikan dana kerajaan ketika itu, sekali gus meningkatkan bebanan fiskal kerajaan baharu ini.

Justeru, pelaksanaan Akta Tanggungjawab Fiskal ini akan dilihat sebagai langkah kerajaan lebih bertanggungjawab bagi memastikan ekonomi Malaysia kembali ke landasan terbaik untuk mencapai pertumbuhan ekonomi lebih mampan.

Saya yakin hasrat utama rakyat pada masa ini adalah mahu melihat Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri dapat berfungsi dengan baik dan dapat melaksanakan dasar strategik bagi memulihkan ekonomi serta keyakinan pelabur.

Pihak pembangkang pula diseru terus melaksanakan proses semak imbang berkualiti bagi memastikan kerajaan sentiasa dipantau dan dinilai selaras dengan semangat sistem demokrasi berparlimen diamalkan di negara ini.